

PENGAKUAN PEMOHON

1. Saya/kami mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar.
2. Saya/kami juga mengaku akan patuh kepada:
 - i. Akta 109, Akta Pertubuhan Peladang 1973;
 - ii. Perlembagaan NAFAS;
 - iii. Peraturan-peraturan;
 - iv. Kaedah DPK.
3. Semua Ahli, Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan/Negeri/Kebangsaan bukan seorang bankrap.
4. Saya/kami bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan boleh daftar.
5. Saya/kami bukan seorang yang telah diberhentikan dari menjadi anggota di bawah Akta 109 dan suatu tempoh selama satu tahun sebelum lagi berlalu dari tarikh pemberhentian itu.
6. Tiada sesuatu Pertubuhan Peladang boleh menjalankan urusan melainkan jika ia dibentuk dan didaftarkan mengikut Peruntukan-Peruntukan Akta 109, Akta Pertubuhan Peladang 1973.
7. Saya/kami mengesahkan bahawa saya/kami telah menerima, membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat berkenaan pengendalian dan/atau pengurusan akaun dan bersetuju mematuhi syarat-syarat dan segala pindaan yang akan diperkenalkan oleh pihak DPK.
8. Saya/kami bersetuju bahawa wang yang diserahkan ini dilaburkan berdasarkan konsep Syariah dan pembahagian keuntungan/kerugian berdasarkan jumlah modal syer yang disumbangkan.
9. Saya/kami akan mematuhi segala keperluan bagi pembukaan akaun dan saya/kami memahami pembukaan akaun DPK adalah tertakluk kepada pengesahan yang perlu dibuat oleh pihak DPK. Pihak DPK berhak menutup akaun saya/kami tanpa memberi apa jua sebab sekiranya akaun saya/kami tidak memenuhi keperluan DPK.
10. Saya/kami mengesahkan bahawa pihak DPK diberi kuasa untuk meneliti dan/atau membuat pemeriksaan dan/atau mendapatkan mana-mana maklumat dan/atau pengesahan, dengan atau daripada mana-mana agensi rujukan kredit, CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan, terhadap saya/kami yang pihak DPK anggap wajar.
11. Saya/kami bersetuju akan menyemak segala penyata akaun yang dihantar kepada saya/kami atau rekod urusniaga akaun saya/kami dan memberitahu sekiranya terdapat kesilapan, ketidakakuratan dan/ atau kelainan di dalam penyata akaun atau rekod urusniaga akaun saya/kami dan juga akan memberitahu pihak DPK sekiranya saya/kami gagal menerima penyata akaun tersebut.
12. Saya/kami maklum akan peruntukan mengenai Akta Wang tak Dituntut 1965, bahawa akaun simpanan saya/kami akan dikelaskan sebagai wang tak dituntut tujuh (7) tahun dari tarikh urusniaga terakhir yang dikendalikan oleh saya/kami dan dana di dalam akaun hendaklah dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut.
13. Saya/kami dengan ini bersetuju memberi kebenaran mutlak dan tidak boleh batal kepada DPK untuk mendedahkan maklumat berkenaan dengan permohonan ini kepada Pendaftar Pertubuhan Peladang dan Bank Negara Malaysia, sepetimana yang telah ditetapkan oleh undang-undang atau sebaliknya.

KEGUNAAN AHLI INDIVIDU

(Tandatangan Pemohon / Cap Ibu Jari Kiri Pemohon)

Nama :

Tarikh :

KEGUNAAN PERTUBUHAN PELADANG DAN UNIT AHLI KAT

Nama :

Pengerusi :

Tarikh :

Cap PP/Unit Ahli :

Nama :

Jemaah Pengarah :

Tarikh :

Cap PP/Unit Ahli :

Nama :

Jemaah Pengarah :

Tarikh :

Cap PP/Unit Ahli :

Disaksikan oleh:

KEGUNAAN DPK**NO RESIT/KENYATAAN DEBIT/KREDIT/BAUCER**

| | |
|----------------|-------------------|
| Disemak Oleh : | Diluluskan Oleh : |
|----------------|-------------------|

Nama :

Nama :

Jawatan :

Jawatan :

Tarikh :

Tarikh :

Nama :

Pengurus Besar :

Tarikh :

Cap PP/Unit Ahli :